

Mesyuarat Pemuda BN puas hati penjelasan Khairy

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 3 okt - Mesyuarat Pemuda Barisan Nasional (BN) hari ini berpuas hati penjelasan Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berhubung kenyataannya mengenai kaum Cina dalam satu ucapannya di Kedah, dua bulan lain.

Pengerusi Pemuda BN, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, semua pemimpin Pemuda, BN mengambil pendirian bahawa kenyataan itu telah disalah tafsir hingga menyebabkan timbul rasa kurang senang di kalangan pihak tertentu negara ini.

Beliau berkata, dalam mesyuarat tersebut, Khairy telah diminta menjelaskan kenyataannya selepas isu itu dibincangkan secara panjang lebar antara semua Ketua Pemuda parti komponen BN.

"Mesyuarat hari ini telah memberi ruang seluas-luasnya kepada semua parti komponen meluahkan perkara-perkara yang mungkin terbuku pada hati mereka untuk bertanya dan menegur dan kemudian kita beri ruang kepada Khairy membuat penjelasan.

"Penjelasan Khairy yang beliau ikhlas untuk melihat perjuangan ini sebagai perjuangan bersama dan beliau tidak berniat langsung menidakkan hak mana-mana kaum dalam perjuangannya telah diterima baik oleh barisan pemimpin Pemuda yang hadir," katanya.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Pergerakan Pemuda BN di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Isu itu mula tercetus apabila kandungan ucapan Khairy ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Jerlun, Kedah, Ogos lalu, dikatakan telah disalah tafsir hingga menyebabkan beberapa pemimpin Pemuda komponen BN lain memberikan reaksi masing-masing.

Mereka dikatakan tidak berpuas hati dengan ucapan Khairy yang didakwa mengatakan kaum Cina akan mengambil kesempatan daripada kelemahan UMNO.

Antara pemimpin yang memberi reaksi itu ialah Ketua Pemuda-MCA, Datuk Liow

Kesemua pemimpin Pemuda BN mengambil pendirian bahawa kenyataan itu telah disalah tafsir hingga menyebabkan timbul rasa kurang senang di kalangan pihak tertentu negara ini

HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN
Pengerusi Pemuda BN

Tiong Lai; Naib Presiden MCA, Datuk Dr. Chua Soi Lek; Setiausaha Agung MCA, Dr. Wee Ka Siong, Ketua Pemuda Gerakan, Datuk Mah Siew Keong dan Naib Setiausaha Parti Gerakan, Datuk Lee Kah Choon.

Khairy ketika mempertahankan kenyataannya itu berkata, pemimpin berkenaan tersalah faham maksud ucapannya dan perkara itu tidak sepatutnya menjadi satu isu baru.

Hishammuddin berkata, bagi menyelesaikan kekeliruan yang timbul di peringkat akar umbi ekoran timbulnya isu itu, mesyuarat hari ini turut mengarahkan semua Ketua Pemuda parti komponen menjelaskan perkara berkenaan di kalangan Exco dan kemudian disalurkan ke peringkat ahli.

"Langkah ini penting supaya tidak berla-

ku salah tafsir sekali lagi. Saya yakin melalui kesefahaman yang telah lama wujud sesama parti komponen BN usaha ini boleh dilaksanakan dengan baik.

"Semua pihak berperanan membawa penjelasan ini ke bawah dan kenyataan Khairy yang telah disalah tafsir itu lama-kelamaan akan dapat dibuktikan dengan tindak-tanduk kita," ujarnya.

Beliau berkata, jika terdapat barisan Exco Pemuda komponen BN atau ahli yang masih tidak berpuas hati dengan penjelasan diberikan Ketua Pemuda masing-masing, perkara itu boleh dibincangkan semula di peringkat mesyuarat Pemuda BN.

"Perkara ini tidak ada masalah asalkan penjelasan yang kita berikan mampu

memberi gambaran sebenar terhadap isu tersebut," ujarnya.

Dalampadaitu, beliau menasihatkan semua pihak supaya tidak menyentuh sensitiviti mana-mana kaum ketika membicarakan isu berkaitan masyarakat majmuk.

"Bukan sahaja kepada saudara Khairy termasuk juga kepada saya sendiri dan semua pemimpin muda yang berada di bawah payung BN. Pelajarilah pengalaman daripada pemimpin-pemimpin terdahulu," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau mengakui mesyuarat kali ini lebih berani serta terbuka kerana ia menyentuh mengenai peribadi dan sensitiviti tetapi ia berjalan di atas semangat kekitaan dalam BN.